



تجارت بصر
مجلس دائرة تڠكك

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06-978 1261 / 978 2226

Fax No : 06-978 2670 / 978 5741

Laman Web : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Di Letakkan di papan notis pada : **6.12.2020**

**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar di Majlis Daerah Tangkak, serta memiliki Sijil-sijil di bawah **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK dalam Gred dan Kategori yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhususan	Harga (RM)
MDT 13-2/13	Kerja-Kerja Membina Papan Tanda Lokasi Dan Landskap Lembut Di Hadapan Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak Dan Hadapan Ibu Pejabat Balai Polis Daerah Tangkak Dan Lain-Lain Berkaitan	G1	CE : CE14	RM 30.00
MDT 13-2/15	Cadangan Naiktaraf Pintu Masuk Sempadan Muar-Tangkak (Jambatan Sultan Ismail) Dan Sempadan Negeri Melaka – Johor (Lebuh AMJ) Dan Kerja- Kerja Berkaitan	G1	CE : CE21	RM 30.00
MDT 11-13/22 (1)	Cadangan Kerja-Kerja Mural Di Dinding Bangunan Kedai 4 Tingkat, Tetuan Tan Jie Yao, Jalan Muar, Tangkak Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan	G1	B : B14	RM 30.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **6hb Disember 2020 (Ahad)** sehingga **13hb Disember 2020 (Ahad)** dari **8.00 pagi** hingga **4.00 petang** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak, 84900 Tangkak, Johor. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama Ketua Agensi berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. **Wang Tunai atau cek tidak boleh diterima** selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e)(5).

“BERUSAHA UNTUK MAKMUR,
TANGKAK BERSIH, SEJAHTERA DAN LESTARI”

3. Hanya **SEORANG** penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.
4. Setiap penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama salinan lesen **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK yang telah **DISAHKAN** bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.
5. Bagi penyebutharga kelas **G2** ke atas adalah **DIINGATKAN** supaya mengemukakan salinan seperti berikut :
 - i. **SALINAN LESEN YANG BERKAITAN**
 - ii. **SALINAN PENYATA BANK SYARIKAT BAGI 3 BULAN TERAKHIR YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK**
 - iii. **SENARAI PENGALAMAN KERJA BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN TERUTAMANYA BAGI KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM TAHUN SEMASA DAN TAHUN 2019**
6. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Tangkak sebelum jam **12.00 tengahari** pada **13hb Disember 2020 (Ahad)**
7. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.


(EZLAN FARID BIN MOHD SAID)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.



Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
www.mdtangkak.com.my